

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan syarat-syarat permohonan pekerja asing mengikut semua sektor (pertanian, perikanan dan penternakan), subsektor dan jenis tanaman, jenis vesel dan jenis ternakan sebagainya. Berikan syarat-syarat secara terperinci demi membantu petani yang menghadapi masalah memohon pekerja asing.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Majikan yang berhasrat untuk menggajikan pekerja asing dalam sektor pertanian hendaklah memenuhi syarat yang ditetapkan seperti berikut:
 - a) Majikan hanya dibenarkan untuk membawa masuk pekerja asing yang berumur 18-45 tahun semasa tiba di Malaysia.
 - b) Majikan hanya boleh menggajikan pekerja asing dari negara sumber yang dibenarkan sahaja. Bagi sektor pertanian, negara-negara sumber yang dibenarkan adalah Thailand, Kemboja, Nepal, Myanmar, Laos, Vietnam, Filipina (lelaki sahaja), Pakistan, Sri Lanka, Turkmenistan, Uzbekistan, Kazakhstan, India, Indonesia dan Bangladesh.
 - c) Bagi subsektor tanaman, ternakan dan perikanan (akuakultur) bilangan pekerja asing yang boleh digajikan dalam sektor pertanian

SOALAN NO : 456

- adalah mengikut Norma Bilangan Pekerja Asing berdasarkan subsektor tanaman, perikanan dan ternakan yang diluluskan dalam Dasar, Prosedur dan Syarat-Syarat Penggajian Pekerja Asing di Malaysia yang dikeluarkan oleh Jabatan Tenaga Kerja.
- d) Bagi subsektor perikanan laut dalam pula, majikan dibenarkan untuk menggajikan krew asing mengikut jenis dan muatan vesel serta peralatan penangkapan ikan yang digunakan.

Sekian, terima kasih.